

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini projek pembinaan sistem BRT di Iskandar Malaysia iaitu sama ada projek tersebut diteruskan mengikut jadual ataupun ditunda.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan bekerjasama rapat dengan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) selaku agensi pelaksana telah melantik perunding utama bagi projek Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT) setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia pada 11 November 2019.
2. Projek IMBRT kini berada di peringkat rekabentuk kejuruteraan terperinci. Status pelaksanaan kerja-kerja fizikal setakat akhir bulan September 2020 adalah sebanyak 5.25%.
3. Kerja-kerja pembinaan stesen, hub, laluan bas, pusat kawalan dan depoh akan bermula pada suku ke-dua tahun 2021 (Q2 2021). Untuk makluman, IRDA juga sudah menjalankan Kajian Bagi Impak Lalu Lintas atau Traffic Impact Assessment (TIA) di laluan Skudai dan Iskandar Puteri pada 21 Julai 2020 dan akan melakukan kajian lalu lintas untuk laluan Tebrau sebaik sahaja pintu masuk Johor Bahru – Singapura dibuka untuk mendapatkan keadaan lalu lintas yang sebenar.
4. Pada 23 Jun 2020, Jawatankuasa Perancang Negeri Johor telah bersetuju agar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil kira dan menyelaraskan kerja-kerja perancangan dan pembangunan termasuk Kebenaran Merancang yang melibatkan jajaran IMBRT.
5. Ujian perintis akan dimulakan pada suku ke-empat 2020 bagi jarak sejauh 4 km dari Horizon Hills ke Anjung, Medini. Ujian ini adalah untuk memperkenalkan kepada agensi-agensi kerajaan dan orang awam mengenai teknologi hijau terkini yang mungkin dapat dilaksanakan di dalam projek BRT serta untuk memudah cara proses penilaian kelulusan pelesenan jenis kenderaan (Vehicle Type Approval).
6. Mengikut perancangan, operasi IMBRT dijangka bermula pada hujung tahun 2022.

Sekian, terima kasih.